



**AGENS ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**SYARAT DAN SKOP KAJIAN SAINTIFIK DAN PENYELIDIKAN MENGGUNAKAN
GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH AGENS ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)
TAHUN 2023**

BAHAGIAN 1 – SKOP KAJIAN

1.1 Tujuan

Geran Penyelidikan Ilmiah AADK disediakan dengan matlamat untuk melonjakkan penjanaan teori, konsep, idea baharu dan seterusnya menjadi pemangkin kepada penemuan dan penciptaan inovatif dalam bidang penyalahgunaan dadah dan bahan. Pembiayaan penyelidikan ini merupakan inisiatif kerajaan dalam meneruskan usaha untuk membanteras gejala dadah berlandaskan kepada Dasar Dadah Negara serta mempertingkatkan keberkesanan strategi mengurangkan penawaran dan permintaan terhadap dadah di Malaysia.

1.2 Bidang Penyelidikan

Bidang-bidang penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Ilmiah AADK adalah seperti berikut:

- 1.2.1 Rawatan dan Pemulihan;
- 1.2.2 Pendidikan Pencegahan;
- 1.2.3 Penguatkuasaan; dan
- 1.2.4 Polisi dan Undang-Undang Berkaitan Dadah dan Bahan.

1.3 Skop Penyelidikan Tahun 2023

Skop penyelidikan tahun 2023 adalah seperti berikut:

- 1.3.1 *Alternative Development*;
- 1.3.2 Profiling Penagihan Dadah di Malaysia: Sudut Pandang Penguatkuasaan Mengesan Orang Yang Disyaki (OYDS);
- 1.3.3 Modul Pengekalan Kepulihan AADK: Memperkukuhkan Pengekalan *Recovering Persons*;
- 1.3.4 Kesan Dasar Baharu Legalisasi Ganja di Thailand dan Implikasinya Kepada Malaysia;
- 1.3.5 Penyalahgunaan Dadah Menggunakan Peralatan *e-Cigarettes* Seperti Vape;
- 1.3.6 *Feasibility Study* Fasiliti AADK Terhadap Tahap Kepulihan Klien;
- 1.3.7 Anggaran Penagih Dadah dan Bahan di Kawasan Berisiko Tinggi, Berisiko dan Umum;
- 1.3.8 Liputan Perkhidmatan Pencegahan Dadah di Seluruh Malaysia;
- 1.3.9 Meta Analisis Rawatan dan Pemulihan Penyalahgunaan Dadah Jenis *Amphetamine Type Stimulant (ATS)*;
- 1.3.10 Trend Penagihan *Amphetamine Type Stimulant (ATS)* di Sabah dan Sarawak; dan
- 1.3.11 Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan AADK Menggunakan Model *i-Pulih, i-Cegah dan i-Prihatin* AADK.

1.4 Tempoh Penyelidikan

Tempoh penyelidikan adalah enam (6) hingga sepuluh (10) bulan. Penyelidikan melebihi tempoh ini perlu menyatakan justifikasi dengan jelas dan terperinci untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK.

1.5 Syarat-Syarat Permohonan

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik di Universiti Awam dan Universiti Swasta serta Pertubuhan Berdaftar dengan syarat-syarat berikut:

- 1.5.1 Warga negara Malaysia;
- 1.5.2 Kakitangan akademik tetap/kontrak (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah), dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dari institusi yang sama;
- 1.5.3 Ketua Penyelidik mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Doktor Falsafah (PhD);
- 1.5.4 Ketua Penyelidik dan ahli kumpulan penyelidikan hendaklah mempunyai kepakaran dalam bidang yang hendak dikaji;
- 1.5.5 Ketua Penyelidik yang berpindah universiti, cuti belajar dan cuti sabatikal perlu melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan;
- 1.5.6 Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan HANYA satu permohonan kajian sahaja pada setiap fasa. Permohonan baharu bagi mereka yang telah diluluskan Geran Penyelidikan pada fasa yang terdahulu HANYA diberi pertimbangan dengan bukti projek-projek tersebut telah 75% selesai dan disahkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing;
- 1.5.7 Setiap program yang dipohon diharap dapat meningkatkan kompetensi dan modal insan dalam penyelidikan. Oleh itu, sekurang-kurangnya seorang penyelidik hendaklah terdiri daripada Pegawai AADK daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional; dan
- 1.5.8 Kelulusan Jawatankuasa Etika manusia/haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan projek.

1.6 Peraturan Permohonan

- 1.6.1 Permohonan perlu menggunakan Borang Permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK seperti di Lampiran B;
- 1.6.2 Permohonan untuk Geran Penyelidikan Ilmiah AADK dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati syarat-syarat dalam perkara 1.5 di atas;
- 1.6.3 Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperaku Ketua Jabatan atau *Research Management Centre* (RMC) universiti. Hanya permohonan yang disokong oleh Ketua Jabatan atau RMC sahaja yang akan diproses oleh pihak urus setia; dan
- 1.6.4 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Penyelidikan Ilmiah AADK dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

1.7 Kriteria Penilaian

- 1.7.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baharu; dan
- 1.7.2 Penyelidikan yang dapat menambah baik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
- 1.7.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 1.7.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

1.8 Peraturan Kewangan

- 1.8.1 **Vot 11000: Upah Dan Elaun Untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)**

- i. Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,300.00 untuk pelajar PhD dan RM1,800.00 untuk pelajar sarjana.

1.8.2 **Vot 21000:** Perjalanan Dan Pengangkutan

- i. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek;
- ii. Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK) perlu memenuhi kriteria di bawah:
 - a. Perjalanan ke luar negara tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon;
 - b. Hanya ketua penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut;
 - c. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja;
 - d. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan adalah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan;
 - e. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi;
 - f. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing; dan
- iii. Kos untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan mestilah tidak melebihi 20% daripada jumlah peruntukan projek yang dibenarkan; dan

- iv. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

1.8.3 **Vot 24000:** Sewaan

- i. Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

1.8.4 **Vot 27000:** Bekalan Dan Bahan Penyelidikan

- i. Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

1.8.5 **Vot 28000:** Baik Pulih Kecil Dan Ubahsuai

- i. Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan; dan
- ii. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

1.8.6 **Vot 29000:** Perkhidmatan Ikhtisas

- i. Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Vot 29000: (Perkhidmatan Khas/ Belanja Pakai Habis)

- ii. Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (ii) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

1.9 Hasil Penyelidikan

1.9.1 Modal Insan

Setiap program mesti melahirkan seorang penyelidik dalam kalangan pegawai AADK.

1.9.2 Penerbitan

Setiap program mesti menghasilkan sekurang-kurangnya penerbitan dalam Jurnal Antidadah Malaysia atau dalam jurnal berindeks. Penghargaan kepada AADK mestilah dinyatakan dengan jelas di dalam setiap penerbitan.

1.9.3 Hak Cipta Laporan dan Hak Milik Kerajaan

- i. Semua maklumat, dokumen dan laporan hendaklah didedahkan kepada AADK secara terperinci;
- ii. Semua maklumat, dokumen dan laporan tidak boleh dibentangkan kepada pihak lain atau diterbitkan kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah AADK; dan
- iii. Hasil penyelidikan merupakan hak milik AADK sepenuhnya.

1.10 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

1.10.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

Pihak AADK akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK melalui surat rasmi kepada universiti atau pemakluman melalui laman sesawang rasmi AADK.

1.11 Penilaian Permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah

- 1.11.1 Permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada pakar bidang dalam dasar dadah dan bahan, rawatan dan pemulihan, pencegahan, kerjasama antarabangsa dan penguatkuasaan undang-undang;
- 1.11.2 Jawatankuasa Penilaian seterusnya akan mengesyorkan cadangan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK untuk pertimbangan dan kelulusan;
- 1.11.3 Keutamaan akan diberi kepada penyelidik yang telah menunjukkan komitmen dan prestasi memberangsangkan dalam penyelidikan. Pemohon/ ketua projek dan ahli-ahli projek hendaklah mengemukakan keterangan kerjaya (CV) masing-masing dan maklumat mengenai hasil penerbitan hendaklah dalam tempoh 5 tahun kebelakangan sahaja; dan
- 1.11.4 Pemohon, ketua projek atau ahli-ahli projek perlu mempunyai pengetahuan luas dalam bidang penyelidikan yang ingin dikaji. Pertukaran ketua projek mestilah mendapat kelulusan daripada AADK dan hendaklah daripada organisasi yang sama serta mempunyai kepakaran dan pengalaman untuk mengetuai projek.

BAHAGIAN 2: PEMANTAUAN

2.1 Implementasi Projek

- 2.1.1 Semua projek penyelidikan yang diluluskan di bawah Geran Penyelidikan Ilmiah AADK akan dipantau dari aspek:
- i. Prestasi projek; dan
 - ii. Prestasi kewangan
- 2.1.2 Pembentangan laporan projek yang mengandungi prestasi kajian dan kewangan serta hasil penyelidikan akan dibuat kepada Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK. AADK juga akan melaksanakan pemantauan pelaksanaan projek dan penaziran dengan kerjasama RMC sekiranya perlu;
- 2.1.3 Projek yang diluluskan hendaklah dilaksanakan mengikut kelulusan yang telah diberikan. Penyelidik diminta membuat pembedulan (jika berkaitan) mengikut komen yang telah diberi oleh panel penilai. Kertas cadangan yang telah dibetulkan hendaklah dikemukakan semula kepada AADK dan dianggap muktamad;
- 2.1.4 Kegagalan Penyelidik melaksanakan projek mengikut kelulusan yang telah diberikan dan/atau gagal membuat pembedulan apabila diminta berbuat demikian oleh Panel Penilai akan membolehkan kelulusan yang diberikan kepada Penyelidik dibatalkan pada bila-bila masa;
- 2.1.5 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada RMC setiap IPT; dan
- 2.1.6 Permohonan pindah Vot hanya dibenarkan sekali dalam tempoh kajian dan amaun yang boleh dipinda adalah tidak melebihi 50% daripada kelulusan asal bagi setiap Vot.

2.2 Pengawasan Projek

Penyelidik hendaklah menghantar laporan prestasi projek kepada Cawangan Penyelidikan, Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan AADK yang terdiri daripada:

2.2.1 **Laporan Awal (*Inception Report*)** dihantar **dua (2) minggu sebelum** tarikh pembentangan Laporan Awal kepada Jawatankuasa Teknikal / Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK;

2.2.2 **Laporan Kemajuan (*Interim Report*)** dihantar **dua (2) minggu sebelum** tarikh pembentangan Laporan Kemajuan kepada Jawatankuasa Teknikal / Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK;

2.2.3 Deraf Laporan Akhir dihantar **dua (2) minggu sebelum** tarikh pembentangan Laporan Akhir kepada Jawatankuasa Teknikal / Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK;

2.2.4 **Laporan Akhir (*Final Report*)** perlu dihantar dalam tempoh **sebulan** selepas pembentangan kepada Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK. Laporan akhir penyelidikan (berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*) perlu disiapkan dengan menggunakan format yang disediakan merangkumi perkara berikut:

- i. Ringkasan Eksekutif;
- ii. Artikel Jurnal;
- iii. Poster Kajian;
- iv. Laporan Kewangan;
- v. Laporan Aset; dan
- vi. Hasil (disertakan bahan bukti):
 - a. Modal insan (nama individu dan peringkat pengajian);
 - b. Penerbitan (dalam jurnal yang diiktiraf);

- c. Pendaftaran Harta intelek;
 - d. Instrumen yang digunakan; dan
 - e. Modul yang dihasilkan.
- 2.2.7 Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan hendaklah disediakan mengikut *milestone* secara bulanan dan dikemukakan kepada pihak AADK untuk tujuan pemantauan;
- 2.2.8 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah turut dipertanggungjawabkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan setiap universiti; dan
- 2.2.9 Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan setiap universiti. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan universiti dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

2.3 Penalti

- 2.3.1 Setiap universiti hendaklah memastikan semua projek/program perlu mencapai prestasi kewangan yang memuaskan berdasarkan carta perbatuan (*milestone*);
- 2.3.2 Prestasi projek perlu mencapai modal insan dan penerbitan seperti dalam cadangan yang telah diluluskan;
- 2.3.3 Pihak RMC perlu mengenal pasti projek lewat jadual/bermasalah dan boleh memberi Ketua Projek tempoh 3 bulan untuk mencapai prestasi yang memuaskan; dan
- 2.3.4 Ketua Projek yang telah dikenal pasti bermasalah akan **disenarai hitam** bagi tempoh 2 tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat

permohonan geran yang baharu (Untuk Geran AADK, penalti akan dikenakan terhadap Ketua Program dan semua Ketua Projek).

BAHAGIAN 3: KEPUTUSAN

3.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan

- 3.1.1 Surat kelulusan projek akan disampaikan kepada Naib Canselor universiti dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan universiti;
- 3.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh AADK kepada universiti secara berfasa berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK; dan
- 3.1.3 Keputusan Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK adalah muktamad.

BAHAGIAN 4: PERANAN

4.1 Peranan Ketua Penyelidik

Ketua Penyelidik bertanggungjawab:

- 4.1.1 Membuat permohonan;
- 4.1.2 Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan;
- 4.1.3 Menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam Garis Panduan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK; dan

4.1.4 Mengurus projek penyelidikan dan penyelidik.

4.2 Peranan Pusat Pengurusan Penyelidikan

Pusat Pengurusan Penyelidikan bertanggungjawab:

4.2.1 Menilai dan memperaku permohonan daripada penyelidik;

4.2.2 Menghantar permohonan yang diperakukan kepada AADK;

4.2.3 Memantau prestasi kemajuan penyelidikan setiap 3 bulan serta menerima laporan akhir penyelidikan daripada penyelidik;

4.2.4 Menyerahkan laporan kemajuan dan laporan akhir kepada AADK; dan

4.2.5 Mengurus aset daripada geran penyelidikan AADK.

BAHAGIAN 5: KERANGKA KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN

5.1 Kerangka kertas cadangan penyelidikan adalah seperti di Borang Permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK di **Lampiran B**.

Sebarang pertanyaan dan maklum balas, sila hubungi:

Cawangan Penyelidikan,
Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan,
Agensi Antidadah Kebangsaan,
Kementerian Dalam Negeri.

Nombor telefon: 03-89112391/ 2267/ 2280/ 2286

e-mel: research@adk.gov.my

Tarikh kemas kini: 11 Julai 2023